

JAS



JABATAN ALAM SEKITAR

E-ISSN 2710-5644



"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**BIL. 1 TAHUN 2025
JANUARI - MAC**



*Kumpulan
Editorial*



PENASIHAT

**Haji Shafe'ee
bin Yasin**



KETUA EDITOR

**Hajah Azuri
Azizah binti
Haji Saedon**



EDITOR

**Ts. Ir. Shazana
binti Mohd
Ibrahim**



EDITOR

**Zainirul Aillis
binti Mustafa**

ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS 3

JANUARI 2025

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT SMI AL-AMIN GOMBAK BERSAMA JAS DI PANTAI KELANANG (PEMBERSIHAN PANTAI)	4
MAJLIS PERASMIAN BILIK LATIHAN ICT	5-6
SIMPOSIUM PENGURUSAN ALAM SEKITAR: PEMERKASAAN AKAS (PINDAAN) 2024 – PEMANGKIN KELESTARIAN ALAM	7-8
KURSUS TRAIN THE TRAINER SISTEM EPEJABAT	9
SESI HANDS-ON BAGI SISTEM APLIKASI ELEKTRONIK KAWALAN ALAM SEKITAR (eKAS) DAN SISTEM myPREMIS	10
PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 1/2025 & AMANAT TAHUN BARU KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR	11-12

FEBRUARI 2025

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 1/2025	13-14
TAKLIMAT PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI MENGGUNAKAN KAEDAH FUNCTION POINT ANALYSIS (FPA)	15
NAZIRAN ICT, UORPD JAS	16-17
MESYUARAT PEMANTAPAN HALATUJU PENGUATKUASAAN 2025	18
PROGRAM JOM JALAN -JALAN CUTI SEKOLAH @ PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA, SHAH ALAM	19
PROGRAM LAWATAN KERJA KE PENERANG INTEGRATED COMPLEX (PIC) BAGI TINJAUAN DAN PEMAHAMAN OPERASI KE ARAH PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974	20
MESYUARAT JAWATAN KUASA PEMANDU SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS) PERINGKAT KEBANGSAAN SESI 2025/2026	21
LAWATAN TEKNIKAL PENGARAH BAHAGIAN PENILAIAN JABATAN ALAM SEKITAR KE PROJEK RAPID TRANSIT SYSTEM (RTS) LINK JOHOR BAHRU-SINGAPURA	22
KUNJUNGAN HORMAT KEDUTAAN PERANCIS KE JABATAN ALAM SEKITAR	23
SIDANG MEDIA OP HAZARD : KERJASAMA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) & KESELAMATAN DALAM NEGERI DAN KETENTERAMAN AWAM (KDNKA) TANGANI ANCAMAN E-WASTE PROGRAM APRESIASI ALAM SEKITAR DI GUA KELAM BERSAMA RAKAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS	24-25
BENGGEL DAN LATIHAN HANDS-ON PENGGUNAAN SISTEM MAKLUMAT GUNATANAH PERANCANGAN BERSEPADU (I-PLAN)	26
17TH ANNUAL EAST ASIA AND PACIFIC (EAP) REGIONAL WORKSHOP ON MONTREAL PROTOCOL (MP) JOINT REGIONAL WORKSHOP ON MP IMPLEMENTATION	27
PERSIDANGAN DRON JAS 2025	28
JAS PERKASA PROSEDUR EIA MELALUI PELAKSANAAN BENGGEL PENYELARASAN PROSEDUR PEMROSESAN DAN PENGUATKUASAAN EIA SELURUH MALAYSIA	29
	30

MAC 2025

PELANCARAN PAKAIAN SERAGAM JABATAN ALAM SEKITAR PENINGKATAN KREDIBILITI JAS SEBAGAI AGENSI PENGUATKUASA	31-32
MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK JEREBU DAN CUACA KERING KEBANGSAAN BIL. 1 TAHUN 2025	33
LAWATAN MENTERI DALAM NEGERI KE KILANG PEMROSESAN E-WASTE HARAM SUSULAN OPS HAZARD BERSEPADU JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN PASUKAN GERAKAN AM (PGA)	34
PROGRAM SOUL, MIND AND BODY BOOSTER	35-36

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS DAN IBU PEJABAT JAS


37-40

WORD PUZZLE

41

PRAKATA

KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR



*Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,*

Alhamdulillah, kita memulakan tahun 2025 dengan langkah yang penuh bermakna dalam usaha memperkukuh peranan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai agensi penguatkuasa alam sekitar negara. Pada 3 Mac 2025, satu detik bersejarah telah tercatat apabila pakaian seragam baharu bagi pegawai penguatkuasa JAS telah dilancarkan secara rasmi di Balai Raya, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kompleks F, Putrajaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, menandakan komitmen tinggi kerajaan dalam memperkasakan imej dan kredibiliti JAS di mata masyarakat.

Pengenalan pakaian seragam baharu ini bukan sekadar perubahan kosmetik, tetapi simbol kepada transformasi organisasi ke arah profesionalisme yang lebih tinggi. Ia mencerminkan kesungguhan JAS dalam melaksanakan tanggungjawab penguatkuasaan dengan lebih berwibawa, telus dan berintegriti. Dengan imej baharu ini, diharapkan pegawai penguatkuasa JAS akan lebih bersemangat dan yakin dalam menjalankan tugas, sekaligus meningkatkan keyakinan awam terhadap keberkesanan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar.

Buletin edisi pertama tahun ini turut memaparkan pelbagai inisiatif dan pencapaian JAS dalam tempoh suku pertama 2025, termasuk kerjasama strategik dengan agensi-agensi berkaitan, program kesedaran awam serta usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar yang berterusan. Saya percaya bahawa dengan semangat kerjasama dan dedikasi semua warga JAS, kita akan terus mencapai kejayaan dalam memastikan kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan pelancaran pakaian seragam baharu ini serta penerbitan buletin ini. Semoga usaha kita ini mendapat keberkatan dan memberi impak positif kepada alam sekitar negara.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar
Jabatan Alam Sekitar
April 2025



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT SMI AL-AMIN GOMBAK BERSAMA JAS DI PANTAI KELANANG (PEMBERSIHAN PANTAI)



15 JANUARI 2025, SELANGOR - Jabatan Alam Sekitar melalui Bahagian Komunikasi Strategik telah bekerjasama dengan SMI Al-Amin Gombak dalam menjayakan Program Khidmat Masyarakat - Pembersihan Pantai di Pantai Kelanang, Banting, Selangor.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya pelajar, mengenai kelestarian alam sekitar dengan fokus terhadap menghindari plastik sekali guna. Selain itu, program ini bertujuan memupuk semangat kerjasama bersama komuniti melalui penglibatan pelajar sebagai Rakan Alam Sekitar (RAS), yang secara sukarela melaksanakan aktiviti melestarikan alam sekitar.

Sepanjang program ini, sebanyak 106 kg sampah berjaya dikutip, majoritinya terdiri daripada sisa plastik dan bahan / sisa bukan biodegradasi. Jabatan berharap dan menyeru komitmen semua pihak dalam usaha menjaga kebersihan pantai dan kelestarian alam sekitar dapat dipertingkatkan kerana alam sekitar tanggungjawab bersama.





MAJLIS PERASMIAN BILIK LATIHAN ICT



20 JANUARI 2025, PUTARAJAYA - Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah mengadakan Majlis Perasmian Bilik Latihan ICT pada 20 Januari 2025 bertempat di Bahagian Teknologi Maklumat, Aras 3, Podium 2. Bilik Latihan ICT ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dan turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Pengarah Bahagian Air Marin, Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya, Pengarah BTM, wakil bahagian serta warga BTM.

Bilik Latihan ICT telah mula digunakan pada tahun 2006 selepas perpindahan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari Kompleks C4 ke Wisma Sumber Asli. Bilik Latihan ICT ini berperanan sebagai pusat latihan dan pembelajaran berkaitan sistem aplikasi JAS serta lain-lain kemahiran berkaitan ICT kepada semua warga JAS dan pihak berkepentingan. Kegunaan Bilik Latihan ICT ini sangat signifikan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan JAS kepada pengguna di kalangan warga JAS dan pihak berkepentingan sentiasa kekal relevan mengikut keperluan semasa.





Bermula pada 23 Oktober 2023, BTM telah memulakan gerak kerja bagi pengubahsuaian Bilik Latihan ICT ini dengan mengemukakan permohonan peruntukan kepada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BTW). Permohonan ini dikemukakan kerana Bilik Latihan ICT sedia ada tidak lagi kondusif untuk digunakan. Permohonan kerja-kerja pengubahsuaian Bilik Latihan ICT ini telah diluluskan menggunakan peruntukan Pembangunan RMK13 Rolling Plan 4 di bawah Projek Penyelenggaraan dan Pembaikan JAS Tahun 2024. Proses pengubahsuaian Bilik Latihan ICT ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Putrajaya bermula pada 15 Ogos 2024 hingga 17 November 2024.

Penyediaan Bilik Latihan ICT yang kondusif, komprehensif dan selamat sangat penting dalam memastikan warga JAS dan pihak berkepentingan dapat menjalani proses pembelajaran dengan lebih berkesan. Oleh itu, pembukaan Bilik Latihan ICT ini bukan sahaja memberikan ruang dalam menjalani latihan, tetapi juga membuka peluang untuk memperkayakan pengetahuan serta mempertingkatkan kecekapan dalam penggunaan teknologi terkini sekaligus meningkatkan kemahiran digital dan ICT dalam membentuk generasi yang lebih mahir serta bersedia menghadapi cabaran dunia digital. Semoga Bilik Latihan ICT ini dapat memberi manfaat yang besar dan memberi impak positif kepada semua pihak.





SIMPOSIUM PENGURUSAN ALAM SEKITAR: PEMERKASAAN AKAS (PINDAAN) 2024 – PEMANGKIN KELESTARIAN ALAM



21 - 22 JANUARI 2025, SELANGOR - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan Simposium Pengurusan Alam Sekitar: Pemerksaan Akas (Pindaan) 2024 - Pemangkin Kelestarian Alam selama dua hari bertempat di Hotel Wyndham Acmar, Klang, Selangor. Simposium ini telah berjaya menghimpunkan seramai 750 peserta daripada pelbagai sektor industri. Simposium telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam) NRES, yang turut diiringi oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.





Penganjuran simposium ini sejajar dengan pemerkasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 dalam usaha memperkukuh penyampaian perkhidmatan, dengan penekanan khusus terhadap peningkatan kompetensi Orang Yang Berwibawa (OYB) dalam industri. Peningkatan jumlah OYB dari tahun ke tahun menunjukkan kesedaran yang semakin mendalam dalam kalangan pihak industri mengenai kepentingan pematuhan terhadap perundangan yang telah dikuatkuasakan.

Sehingga 15 Januari 2025, seramai 11,780 individu telah berjaya ditauliahkan melalui Program Pensijilan Profesional Alam Sekitar, yang secara langsung membuktikan komitmen berterusan pihak industri dalam memastikan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Dengan tema "Pemangkin Kelestarian Alam", simposium ini bertujuan menjadi platform untuk pertukaran ilmu, pemikiran inovatif, serta merangka tindakan konkrit dalam menghadapi cabaran pemeliharaan alam sekitar di era moden ini.





KURSUS TRAIN THE TRAINER SISTEM ePEJABAT

21-22 JANUARI 2025, BANGI - Bahagian Teknologi Maklumat melalui Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan Kursus Train The Trainer Sistem ePejabat bertempat di EiMAS, Bangi, Selangor. Bengkel selama dua (2) hari ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Teknologi Maklumat serta pegawai / wakil ICT di JAS Negeri dan EiMAS.

Sistem ePejabat merupakan sistem yang mendigitalkan proses-proses kerja di pejabat seperti tempahan bilik mesyuarat, tempahan kenderaan jabatan, pinjaman peralatan ICT dan aduan kerosakan peralatan ICT. Sistem ePejabat mempunyai empat modul utama iaitu Modul Tempahan Bilik Mesyuarat dan Akaun Telesidang, Modul Tempahan Kenderaan, Modul Pinjaman Peralatan ICT dan Modul Aduan Kerosakan Peralatan ICT.

Pada tahun 2025, JAS telah membuat penambahbaikan kepada Prosedur Kualiti (PK) Penyelenggaraan ICT MS ISO 9001:2015 dimana semua proses aduan berkaitan kerosakan peralatan ICT di JAS perlu melalui Sistem ePejabat sahaja.

Sehubungan itu, bengkel ini bertujuan untuk :

- i. Membolehkan peserta membina kefahaman dan kemahiran penggunaan Sistem E-Pejabat secara keseluruhan;
- ii. Memastikan pelaksanaan Prosedur Kualiti (PK) Penyelenggaraan ICT MS ISO 9001:2015 Jabatan yang lebih berkesan ; dan
- iii. Memastikan peserta iaitu pegawai / wakil ICT Negeri dapat memberi latihan dan bantuan kepada pegawai di negeri masing-masing.



SESI *HANDS-ON* BAGI SISTEM APLIKASI ELEKTRONIK KAWALAN ALAM SEKITAR (eKAS) DAN SISTEM myPREMIS

22-23 JANUARI 2025, PUTRAJAYA - Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Udara dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat telah menambah baik Modul Pelesenan bagi Sistem eKAS dan Sistem myPremis yang melibatkan sub modul berikut :-

- a) Lesen Pelanggaran Seksyen 25(1)
 - Efluen
 - Larut Resapan
 - Loji Kumbahan
- b) Lesen Pelanggaran Seksyen 22(1)
 - Udara

Sesi ini telah dilaksanakan selama dua (2) hari di Bilik Latihan ICT, JAS Putrajaya ini telah dihadiri oleh semua JAS Negeri dan cawangan sebagai persediaan dan latihan sebelum sub modul ini go-live pada bulan Februari ini. Para peserta telah didedahkan dengan proses kerja sedia ada melalui penggunaan sistem aplikasi.

Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Udara yang hadir juga telah menjawab beberapa soalan dari peserta dan diharap agar pelaksanaan sub modul Lesen Pelanggaran yang menggunakan sistem aplikasi ini dapat menyeragamkan proses kerja di semua JAS Negeri dan dapat membantu memudahkan dan mempercepatkan urusan permohonan daripada premis. Para peserta juga digalakkan untuk membuat sesi ini di negeri masing-masing bagi memahirkkan pegawai yang akan memproses permohonan ini kelak.





PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 1/2025 & AMANAT TAHUN BARU KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR



23 JANUARI 2025, PUTRAJAYA - Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latif bin Wan Jaffar, telah menyampaikan amanat tahun 2025 di Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Alam Sekitar Bil. 1/2025. Antara intipati amanat yang dikongsikan, YBhg. Dato' mengajak seluruh warga Jabatan Alam Sekitar untuk terus memperkukuhkan komitmen dan berusaha dengan lebih gigih serta penuh dedikasi bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan, serta memastikan setiap langkah yang diambil selaras dengan visi dan misi Jabatan. Beliau juga berharap agar tahun 2025 ini menjadi tahun yang penuh dengan kejayaan, pembaharuan, dan pencapaian cemerlang untuk Jabatan. Selain itu, YBhg. Dato' menyeru seluruh warga Jabatan untuk bersama-sama berusaha mencapai matlamat yang lebih besar, meningkatkan prestasi, dan memastikan alam sekitar terus terjaga demi kesejahteraan generasi akan datang.





KOLEKSI GAMBAR SEMASA PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 1/2025 & AMANAT TAHUN BARU KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR





MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 1/2025



3-6 FEBRUARI 2025, KUALA LUMPUR - Mesyuarat Pengarah-Pengarah Jabatan Alam Sekitar Bil. 1/2025 telah diadakan di Hotel Melia, Kuala Lumpur merupakan satu platform membincangkan penetapan agenda 2025 bagi Jabatan Alam Sekitar. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, antara lain menekankan reformasi YB Perdana Menteri, YBhg. KSN dan YB Menteri NRES yang perlu menjadi satu penanda aras penyampaian perkhidmatan bagi Jabatan dalam memenuhi dan mencapai KPI tahun ini.





Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah-Pengarah dari Ibu Pejabat dan Negeri, yang turut membentangkan isu dan perkara-perkara yang perlu di tambah baik dengan mengambil kira pemeraksanaan penyampaian perkhidmatan Jabatan. Mesyuarat turut dihadiri YBrs. Dr Norhazni Binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan YBrs. Tuan Haji Shafe'ee Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan).





TAKLIMAT PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI MENGGUNAKAN KAEDAH *FUNCTION POINT ANALYSIS* (FPA)

10 FEBRUARI 2025, PUTRAJAYA – Sesi Taklimat Pembangunan Sistem Aplikasi menggunakan Kaedah Function Point Analysis (FPA). Taklimat ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Digital Negara (JDN) yang dihadiri oleh penceramah jemputan YBrs. Ts. Dr. Sri Lakshmi a/p Kanniah, Ketua Penolong Pengarah dan YBrs. Ts. Nursyafika binti Harsad, Penolong Pengarah dari Bahagian Perundingan Digital. Bengkel ni disertai oleh Puan Mukhtaroh Binti Osman, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan semua pegawai daripada Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Alam Sekitar.

Taklimat ini bertujuan membolehkan Pegawai ICT JAS membuat pengiraan anggaran kos pembangunan sistem aplikasi berdasarkan fungsi yang akan dibangunkan serta menyediakan metrik pengiraan kos sistem aplikasi yang spesifik dan lebih tepat dengan margin ralat yang rendah. Ia juga satu kaedah yang digunakan untuk mengukur kompleksiti saiz sistem aplikasi dan membantu dalam menilai kerumitan dan saiz projek perisian dengan lebih terperinci merangkumi fasa-fasa Permulaan Projek, Analisis dan Pelaksanaan.

Peserta Taklimat Pembangunan Sistem Aplikasi menggunakan Kaedah Function Point Analysis (FPA)



Taklimat yang disampaikan oleh Jabatan Digital Negara



Penyampaian cenderahati kepada Ts. Dr. Sri Lakshmi a/p Kanniah dari Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat, Puan Mukhtaroh Binti Osman




Penyampaian cenderahati kepada Ts. Nursyafika binti Harsad dari Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat, Puan Mukhtaroh Binti Osman


NAZIRAN ICT, UORPD JAS

10 FEBRUARI 2025, SELANGOR DAN SARAWAK - Unit Operasi, Rangkaian dan Pusat Data, Bahagian Teknologi Maklumat JAS telah melaksanakan program Naziran ICT ke Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak pada 10 hingga 13 Februari 2025. Program ini bertujuan untuk memastikan pengurusan aset ICT di kedua-dua agensi dilaksanakan dengan cekap, selamat dan mengikut dasar serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh BTM, JAS. Selain itu, Naziran ICT ini turut memantau tahap pematuhan terhadap Polisi Keselamatan Siber (PKS) JAS yang bertujuan untuk melindungi data dan sistem daripada sebarang risiko ancaman dan insiden keselamatan ICT yang boleh memberi impak kepada operasi jabatan.

Salah satu objektif utama program Naziran ICT adalah menilai keberkesanan penyelenggaraan sistem aplikasi dan peralatan ICT di kedua-dua agensi tersebut. Ini bagi memastikan semua sistem dan peralatan beroperasi pada tahap yang optimum dan berfungsi dengan baik. Selain itu, program ini juga memberi peluang untuk mengenal pasti sebarang isu atau cabaran yang berkaitan dengan ICT yang memerlukan tindakan susulan sama ada dalam bentuk penambahbaikan infrastruktur ICT yang sedia ada atau penyesuaian sistem kepada keperluan semasa.



NAZIRAN DI JAS SABAH PADA 10 FEBRUARI 2025



Beberapa penemuan utama yang diperoleh daripada program Naziran ICT ini menunjukkan bahawa kedua-dua agensi mematuhi dasar keselamatan ICT yang ditetapkan oleh JAS. Namun begitu, terdapat beberapa kawasan yang masih memerlukan peningkatan terutamanya dalam aspek pemantauan rangkaian dan pengurusan perkakasan server. Di samping itu, satu masalah yang ditemui adalah komputer desktop yang digunakan tidak disambungkan ke Domain JAS. Penyambungan ke Domain JAS adalah langkah penting untuk memastikan semua komputer berada di bawah pengurusan pusat yang betul dan selamat sekaligus meningkatkan kawalan keselamatan sistem ICT jabatan.

Secara keseluruhannya, program Naziran ICT ini berjaya memastikan bahawa pengurusan aset ICT di jabatan dilaksanakan dengan cekap, selamat dan mengikut dasar yang telah ditetapkan. Melalui naziran ini, tahap pematuhan terhadap Polisi Keselamatan Siber dapat dipantau dengan lebih teliti seterusnya memastikan perlindungan data dan sistem daripada sebarang ancaman siber. Dengan langkah-langkah penambahbaikan yang dicadangkan, jabatan akan dapat meningkatkan keberkesanan operasi ICT dan menyokong peningkatan mutu perkhidmatan awam secara keseluruhan.

NAZIRAN DI JAS SARAWAK PADA 13 FEBRUARI 2025

MESYUARAT PEMANTAPAN HALATUJU PENGUATKUASAAN 2025

12-14 FEBRUARI 2025, KUALA LUMPUR - Selaku agensi utama dalam penguatkuasaan dan kawalan pencemaran alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar sentiasa memastikan setiap gerak kerja dan perancangan yang dibuat hendaklah selari dengan pelan strategi yang telah dirangka dan memenuhi aspirasi pembangunan negara. Dalam hal ini, penyelarasan seluruh negara perlu dibuat dan satu Mesyuarat Pemantapan Halatuju Penguatkuasaan 2025 telah diadakan di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur sebagai satu platform membincangkan penetapan halatuju dan KPI penguatkuasaan yang perlu dicapai oleh semua Jabatan Alam Sekitar negeri. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar.



Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Bahagian dari Ibu Pejabat serta semua pegawai-pegawai kanan operasi daripada semua JAS Negeri dan juga Ketua-Ketua Cawangan. Setiap wakil JAS negeri yang hadir turut membentangkan pencapaian KPI serta isu dan perkara-perkara yang perlu ditambah baik dengan mengambil kira pemerksaan penyampaian perkhidmatan Jabatan. Selain itu, pengisian mesyuarat ini turut diisi dengan taklimat dan perkongsian daripada Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM.





PROGRAM JOM JALAN - JALAN CUTI SEKOLAH @ PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA, SHAH ALAM

14 FEBRUARI 2025, PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan Program Jom Jalan-Jalan Cuti Sekolah ke Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam dibawah anjuran Perpustakaan Enviro Digital@JAS dengan kerjasama PUSPANITA JAS.

Program ini dilaksanakan sebagai pengisian sempena cuti sekolah kepada anak-anak melalui eksplorasi kepada fungsi dan perkhidmatan perpustakaan yang lebih unik dan mesra kanak-kanak.

Peserta telah diberi pendedahan kepada ruang edutainment, 2D teater, studio bunyi, layar hijau, Tvet dan bahagian koleksi perpustakaan. Seramai 45 orang peserta lawatan yang terdiri daripada anak-anak warga dan pegawai JAS yang menyertai sesi lawatan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik merangkap Pengerusi PUSPANITA JAS, YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon yang telah bersama-sama di dalam sesi pelepasan peserta lawatan.

Jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) di atas kerjasama menjayakan program ini.



*"Ilmu itu bukan yang dihafal
tetapi yang memberi manfaat"*
- Imam Syafi'i



PROGRAM LAWATAN KERJA KE PENERANG INTEGRATED COMPLEX (PIC) BAGI TINJAUAN DAN PEMAHAMAN OPERASI KE ARAH PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

17 FEBRUARI 2025, JOHOR - Program Lawatan Kerja ke Pengerang Integrated Complex (PIC) Bagi Tinjauan dan Pemahaman Operasi ke atas aset-aset PETRONAS telah berlangsung dengan jayanya. Delegasi daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) diketuai oleh YBrs. Dr. Norhazni Binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YBrs. Dr. Pubadi A/L Govindasamy, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, NRES, YBrs. Tuan Haji Rosli Bin Zul, Pengarah Bahagian Udara, YBrs. Puan Rohimah Binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian, daripada JAS Ibu Pejabat, YBrs. Dr. Mohd Famey Bin Yusoff, Pengarah JAS Negeri Johor serta pegawai-pegawai kanan JAS Ibu Pejabat, JAS Johor dan JAS Cawangan Pengerang.



Objektif utama lawatan ini adalah untuk memberikan gambaran yang jelas kepada NRES dan JAS dalam memahami operasi dan pengurusan alam sekitar di PIC dalam mematuhi keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Selain itu, konsep pematuhan sendiri yang sentiasa dibudayakan menjamin setiap tindakan atau keputusan yang diambil juga mengutamakan elemen kepentingan alam sekitar.

Jabatan ini berharap lawatan kerja yang dijalankan ini dapat memperkukuh kerjasama dua hala antara Kerajaan dan industri, khususnya dalam meningkatkan pengetahuan teknikal serta berkongsi pengalaman secara lebih praktikal bagi memastikan kepentingan dan kesejahteraan rakyat terus diutamakan.



MESYUARAT JAWATAN KUASA PEMANDU SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS) PERINGKAT KEBANGSAAN SESI 2025/2026

18 FEBRUARI 2025, PUTRAJAYA - Satu Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SLAAS Peringkat Kebangsaan Sesi 2025/2026 telah diadakan bagi membincangkan kaedah pelaksanaan program ini bagi sesi 2025/2026. Mesyuarat ini telah dipengerusikan secara bersama oleh YBrs. Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JAS Jabatan dan Puan Hajah Nooraini binti Kamaruddin, Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM (mewakili Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah), KPM.

Program SLAAS telah menginjak ke usia dua dekad semenjak ianya mula diperkenalkan pada tahun 2005. Proses penyertaan SLAAS pada sesi 2025/2026 adalah lebih menarik kerana sistem MySLAAS akan digunakan buat kali pertamanya. Nantikan pembukaan penyertaan SLAAS sesi 2025/2026!



LAWATAN TEKNIKAL PENGARAH BAHAGIAN PENILAIAN JABATAN ALAM SEKITAR KE PROJEK RAPID TRANSIT SYSTEM (RTS) LINK JOHOR BAHRU-SINGAPURA

18 FEBRUARI 2025, JOHOR BAHRU – Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah mengadakan lawatan teknikal ke Projek Rapid Transit System di Johor Bahru bagi membincangkan status pematuhan projek kepada syarat-syarat kelulusan Laporan EIA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Lawatan kerja ini telah diketuai oleh Puan Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian Jabatan Alam Sekitar dan turut serta pegawai-pegawai JAS dari Bahagian Penilaian, Ibu Pejabat dan JAS Negeri Johor.

Lawatan bermula dengan sesi taklimat status pelaksanaan projek oleh penggerak projek iaitu Mass Rapid Transit Corporation (MRT) dan RTS Operation Pte.Ltd. (RTSO). Lawatan diteruskan dengan membuat pemeriksaan di jajaran RTS marine viaduct yang terletak di sempadan Malaysia-Singapura yang sedang dalam peringkat pemasangan rel dan sistem. Pihak MRT dan RTSO adalah diminta untuk sentiasa memastikan pelaksanaan projek mematuhi syarat-syarat kelulusan Laporan EIA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk semasa peringkat operasi kelak.

Diharapkan lawatan teknikal seperti ini dapat dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan lagi “capacity building” pegawai-pegawai JAS samaada di Bahagian Ibu Pejabat mahupun di JAS Negeri.





KUNJUNGAN HORMAT KEDUTAAN PERANCIS KE JABATAN ALAM SEKITAR



19 FEBRUARI 2025, PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS), Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Kedutaan Perancis yang diketuai oleh Encik Jean-Michel Dumaz, Pakar Perlindungan Awam Serantau Singapura dan Negara-negara ASEAN bersama dua delegasi lain.

Sesi kunjungan hormat tersebut telah dipengerusi oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JAS dan turut hadir bersama YBrs. Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JAS serta Pengarah-pengarah Bahagian dan pegawai JAS.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk membentangkan projek serantau bagi pembangunan kapasiti/ latihan mengenai keselamatan pelabuhan yang dikenali sebagai Global Port Safety (GPS). Projek ini juga untuk meningkatkan pengurusan keselamatan dan insiden seperti barangan berbahaya dan bahan berbahaya. Sesi kunjungan hormat turut membincangkan potensi kerjasama antara kedua-dua pihak dari segi pembangunan kapasiti dan juga mengenal pasti pihak berkepentingan/ agensi berkaitan di bawah Program GPS.

Semasa sesi kunjungan tersebut, JAS turut berkongsi maklumat mengenai Pengurusan Import dan Eksport Buangan Terjadual/ Buangan Berbahaya, Import dan Eksport Bahan Berbahaya dan Kontingensi Tumpahan Minyak: Kesiapsiagaan dan Tindak Balas Tumpahan Minyak.

Semoga kunjungan hormat ini menyimpul jalinan hubungan baik dan kerjasama yang erat antara kedua-dua pihak pada masa akan datang.

**SIDANG MEDIA
OP HAZARD :
KERJASAMA
JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)
& KESELAMATAN DALAM
NEGERI DAN KETENTERAMAN
AWAM (KDNKA) TANGANI
ANCAMAN E-WASTE**



20 FEBRUARI 2025, BUKIT AMAN - Sidang Media Op Hazard bersama Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Komisioner Polis Dato' Sri Azmi Abu Kassim, untuk berkongsi mengenai kejayaan Operasi Hazard (Op Hazard) yang telah dilaksanakan serentak di seluruh negara. Operasi ini yang berlangsung dari 14 hingga 16 Februari 2025, bertujuan untuk menangani masalah kemasukan e-waste secara haram ke negara ini.

Dalam operasi ini, 47 premis telah diperiksa di seluruh negara, dengan 15,764.90 MT e-waste berjaya disita, yang dianggarkan bernilai RM55 juta. Pemeriksaan mendapati bahawa 30 premis beroperasi secara haram, 7 premis merupakan premis barang lusuh, 6 premis berlesen di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS), 3 premis berlesen di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT), dan 1 gudang haram turut dikesan.





Op Hazard ini merupakan inisiatif penting untuk memperkukuh kerjasama antara JAS dan KDNKA dalam menangani isu kemasukan e-waste secara haram yang boleh memberi ancaman serius kepada kesihatan awam dan alam sekitar. E-waste yang tidak diuruskan dengan baik berpotensi menyebabkan pencemaran tanah, air, dan udara, serta membawa kepada kerosakan ekosistem yang lebih luas.

Hadir sama semasa sidang media Dato' Mohamad Suzrin Bin Mohamad Rodhi, Timbalan Pasukan Gerakan Am (PGA) dan YBr. Dr. Norhazni Mat Sari. Sidang media ini merupakan platform untuk memaklumkan kepada masyarakat mengenai usaha yang dilakukan dalam menghadapi bahaya alam sekitar sekiranya e-waste ini tidak diurus dengan bijak. Kerjasama ini menegaskan berhubung komitmen kedua-dua agensi untuk memperkukuhkan penguatkuasaan terhadap undang-undang berkaitan pengurusan e-waste dan memastikan tindakan tegas diambil terhadap pihak yang terlibat dalam aktiviti haram ini. Ia juga memperlihatkan usaha berterusan dalam memelihara alam sekitar demi kebaikan generasi akan datang.

PROGRAM APRESIASI ALAM SEKITAR DI GUA KELAM BERSAMA RAKAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS

22 FEBRUARI 2025, PERLIS - Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis bersama Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah berjaya menganjurkan program Apresiasi Alam Sekitar Bersama Rakan Alam Sekitar (RAS) di Taman Rekreasi Gua Kelam, Kaki Bukit, Perlis. Program yang turut bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Malaysia Negeri Perlis turut melibatkan penyertaan daripada barisan Pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Awam, Universiti Malaysia Perlis (UniMaP).



Program yang melibatkan penyertaan 50 peserta ahli RAS ini turut dihadiri oleh Pengarah Komunikasi Strategik, Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon dan Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Awam, Prof Madya Ts. Dr. Che Zulzokrani Azner Bin Abidin. Aktiviti program dimulai dengan taklimat Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Program Kampus Lestari Anugerah Alam Sekitar (KLAAS) oleh Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu Pejabat, diikuti taklimat Biodiversiti Hutan oleh Pegawai Jabatan Perhutanan Malaysia Negeri Perlis dan diteruskan dengan aktiviti meneroka Gua Kelam 1 bagi melihat panorama keindahan dan kehijauan alam sekitar di Gua Kelam.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini serta berharap agar program seperti ini dapat diteruskan sebagai platform untuk JAS menyampaikan mesej-mesej berkenaan penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat bagi memastikan kelestarian alam sekitar terus terpelihara untuk generasi masa kini dan akan datang.

BENGGEL DAN LATIHAN HANDS-ON PENGGUNAAN SISTEM MAKLUMAT GUNATANAH PERANCANGAN BERSEPADU (I-PLAN)

24 FEBRUARI 2025, PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat dengan kerjasama Bahagian Maklumat Gunatanah Negara, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menganjurkan Bengkel dan Latihan *Hands-on* Penggunaan Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu (I-Plan).



Bengkel dan Latihan *Hands-on* Penggunaan Sistem I-PLAN yang dilaksanakan secara hibrid kepada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar di Ibu Pejabat dan Negeri diharap dapat membantu untuk mendapatkan maklumat mengenai gunatanah, *zoning* sesuatu kawasan dengan lebih pantas dan tepat terutamanya semasa memproses dan memberi ulasan kepada permohonan input pembangunan dan pemprosesan Laporan EIA. Taklimat telah diberikan oleh Puan Norshaadah Binti Sarifudin dari PLAN Malaysia.

Sistem I-Plan adalah satu sistem yang dibangunkan oleh PLAN Malaysia berperanan sebagai Pusat Rujukan Maklumat Guna Tanah Negara serta alat bagi membantu dalam proses kebenaran merancang dan perancangan fizikal sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam rancangan-rancangan pemajuan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

JAS dan PLANMalaysia berharap program seperti ini dapat diteruskan di masa akan datang kearah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.



17TH ANNUAL EAST ASIA AND PACIFIC (EAP) REGIONAL WORKSHOP ON MONTREAL PROTOCOL (MP) JOINT REGIONAL WORKSHOP ON MP IMPLEMENTATION

25 FEBRUARI 2025, KOTA KINABALU - Malaysia telah terpilih menjadi tuan rumah kepada Bengkel Serantau Asia Timur dan Pacific kali ke 17 bagi Pelaksanaan Protokol Montreal anjuran bersama Bank Dunia. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Norhazni Binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar manakala sesi pembukaan telah disempurnakan oleh wakil Bank Dunia, Encik Jiang Ru. Bengkel selama 3 hari ini akan disertai oleh wakil Bank Dunia, pakar-pakar bagi pelaksanaan Protokol Montreal dan Pelan Pelaksanaan Kigali (KIP), wakil daripada agensi kerajaan Malaysia, Vietnam, Thailand dan Indonesia, serta wakil daripada pihak industri.

Bengkel ini akan menumpukan dan membincangkan hala tuju dan polisi semasa Protokol Montreal dan Dana Pelbagai Hala (MLF), pelaksanaan pindaan Kigali serta strategi phasing out Hydrochlorofluorocarbons (HCFC) dan phasing down Hydrofluorocarbons (HFC). Pelaksanaan bengkel ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia dan negara-negara serantau dalam usaha melindungi lapisan ozon seterusnya membantu mengurangkan kesan perubahan iklim.





PERSIDANGAN DRON JAS 2025

25 FEBRUARI 2025, PERAK - Persidangan Dron JAS 2025 telah diadakan pada 25 Februari 2025 bertempat di WEIL Hotel, Ipoh, Perak. Program ini dianjurkan semasa berlangsungnya Bengkel dan Mesyuarat Penyelarasan Dron JAS.

Seramai 55 orang peserta yang terdiri daripada juruterbang dron negeri dan Bahagian di Ibu Pejabat telah menghadiri persidangan pada kali ini. Antara dapatan persidangan dron pada kali ini adalah semakan akhir Garis Panduan Pengoperasian Dron JAS terbitan Februari 2021 untuk dibawa ke peringkat seterusnya sebelum dimuktamadkan. Turut diputuskan adalah penggunaan aplikasi Survey123 bagi merekod pergerakan aset dron di bawah seliaan JAS Negeri. Rekod pergerakan aset ini penting dalam memastikan keberadaan aset selain memastikan ianya berada dalam keadaan baik untuk digunakan.



Acara kemuncak Persidangan Dron ini adalah pengiktirafan kepada pegawai-pegawai JAS yang terlibat dengan dron. Sebanyak tiga (3) anugerah telah diberikan iaitu :

- i. Penyelaras Dron Terbaik - Puan Aini Oriza Binti Ramli, JAS Perak
- ii. Juruterbang Dron Terbaik - Encik Hilmy Bin Rusli, JAS Pulau Pinang
- iii. Skuad Dron Terbaik - Skuad Dron JAS Kedah

Turut diberikan adalah sijil penghargaan kepada 14 juruterbang dron yang telah lulus sijil kompetensi Remote Pilot Certificate of Competency (Basic) (RCoC-B) sejak dari tahun 2022-2024. Jabatan telah mempunyai 16 juruterbang dron yang mempunyai sijil kompetensi RCoC-B.



25 FEBRUARI 2025, PUTRAJAYA - Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Pemprosesan dan Penguatkuasaan EIA Tahun 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka, JAS Putrajaya pada 25 hingga 26 Februari 2025.

Bengkel yang dipengerusikan oleh YBrs. Puan Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian ini dihadiri seramai 61 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai JAS daripada Ibu Pejabat dan JAS Negeri yang terlibat dengan pemprosesan dan penguatkuasaan EIA.

Bengkel yang dilaksanakan secara tahunan ini merupakan satu platform yang berfungsi untuk JAS Ibu Pejabat bersama-sama dengan JAS Negeri membincangkan halatuju dan isu-isu semasa yang melibatkan projek pembangunan di Malaysia.

JAS PERKASA PROSEDUR EIA MELALUI PELAKSANAAN BENGKEL PENYELARASAN PROSEDUR PEMROSESAN DAN PENGUATKUASAAN EIA SELURUH MALAYSIA



Selain daripada itu, bengkel ini juga turut membincangkan penyelesaian yang terbaik bagi isu-isu berbangkit berkaitan pemprosesan dan penguatkuasaan EIA serta langkah-langkah untuk memperkukuhkan pelaksanaan tugas pegawai JAS yang berkaitan dengan EIA.

Melalui sesi perkongsian ilmu, perbincangan teknikal dan penilaian semula prosedur sedia ada, pelbagai pandangan serta input bernas telah diperolehi dalam mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan EIA di Malaysia. Diharapkan segala input dan cadangan yang telah dikemukakan akan dimanfaatkan secara optimum bagi memperkemas serta menambah baik pelaksanaan program kerja berkaitan pengurusan EIA di peringkat nasional.



PELANCARAN PAKAIAN SERAGAM JABATAN ALAM SEKITAR PENINGKATAN KREDIBILITI JAS SEBAGAI AGENSI PENGUATKUASA

3 MAC 2025, PUTRAJAYA - Selaras dengan hasrat memperkasakan penyampaian perkhidmatan sebagai Agensi Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS), mulai bulan Mac 2025 semua pegawai penguatkuasa JAS akan memakai pakaian seragam yang baharu. Pemakaian pakaian seragam yang baharu ini telah mendapat kelulusan dari Bahagian Istiadat Dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri (BIUPA).





Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, berkata, pemakaian pakaian seragam ini merupakan satu langkah perubahan yang akan meningkatkan pengenalan kredibiliti JAS sebagai agensi penguatkuasa. Pada awal tahun ini, JAS terus komited dalam memperkasakan penguatkuasaan melalui kerjasama strategik bersama agensi-agensi serta pengukuhan pembudayaan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang melibatkan pelbagai peringkat, sama ada di peringkat pemegang taruh mahupun masyarakat keseluruhannya.

JAS akan terus komited untuk menangani isu alam sekitar secara holistik melalui pelbagai strategi, dengan memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan melalui rancangan jangka pendek dan panjang. Ini bagi memastikan alam sekitar kekal terpelihara



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK JEREBU DAN CUACA KERING KEBANGSAAN BIL. 1 TAHUN 2025

5 MAC 2025, KUALA LUMPUR - Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bil. 1 Tahun 2025 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam di Bilik Persidangan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini diadakan bagi melaporkan status terkini keadaan cuaca dan fenomena El Niño, kualiti udara, merancang tindakan dan strategi bagi mencegah pembakaran terbuka serta jerebu setempat, di samping mengatur persediaan menghadapi cuaca panas dan kering serta kemungkinan berlakunya insiden jerebu merentas sempadan.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai kanan NRES berserta lebih 60 kementerian, jabatan dan agensi dan kerajaan negeri secara fizikal dan atas talian.

Susulan cuaca panas dan kering ketika ini, semua pihak diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka, membiarkan tanah atau premis diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka, sama ada untuk tujuan tertentu atau secara tidak sengaja. Kementerian, jabatan, agensi dan kerajaan negeri juga diingatkan agar sentiasa peka dengan perubahan cuaca dan kualiti udara negara.

Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama kementerian dan jabatan, agensi dan kerajaan negeri akan mengambil tindakan 'whole of government' approach bagi membanteras kebakaran tapak pelupusan sampah haram, menambahbaik tindakan pencegahan kebakaran hutan dan belukar tanah gambut yang menyebabkan jerebu tempatan, menjejaskan kualiti udara negara serta kesihatan awam.



LAWATAN MENTERI DALAM NEGERI KE KILANG PEMROSESAN E-WASTE HARAM SUSULAN OPS HAZARD BERSEPADU JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN PASUKAN GERAKAN AM (PGA)

6 MAC 2025, SELANGOR - Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar mengiringi YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail dalam lawatan kerja YB Menteri berhubung penemuan sejumlah 334 jumbo bag dengan anggaran berat keseluruhan 1,052 tan yang terdiri daripada e-waste. Lawatan kerja ini turut disertai Pasukan Gerakan Am dan pelbagai agensi-agensi terlibat berhubung isu pelupusan e-waste secara haram.

Jabatan Alam Sekitar terus komited dalam menangani isu berhubung kesalahan pemrosesan e-waste secara haram. Kesemua premis yang terlibat telah disiasat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) (Akta 127), yang merangkumi pelbagai kesalahan, antaranya:

- i. Seksyen 16, AKAS 1974-Gagal mematuhi syarat lesen yang ditetapkan;
- ii. Seksyen 18, AKAS 1974-Menjadi kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa lesen JAS;
- iii. Seksyen 19, AKAS 1974-Gagal mengemukakan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar;
- iv. Seksyen 34A, AKAS 1974-Gagal mengemukakan laporan kajian EIA; dan
- v. Seksyen 34B, AKAS 1974-Menempatkan buangan terjadual tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Di bawah Seksyen 34B, AKAS 1974, sebarang penempatan buangan terjadual, sama ada di darat atau dalam perairan Malaysia, serta aktiviti transit atau membenarkan e-waste ditransit tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar, adalah satu kesalahan. Jika sabit kesalahan, hukuman yang boleh dikenakan adalah denda maksimum RM10 juta dan penjara tidak melebihi 5 tahun, berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024.





PROGRAM SOUL, MIND AND BODY BOOSTER

25 MAC 2025, PUTARAJAYA - Program *Soul, Mind and Body Booster* anjuran Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dengan kerjasama PUSPANITA JAS telah berjaya dilaksanakan pada 25 dan 26 Mac 2025 bertempat di Dewan Baiduri, Menara PETRA.

Terdapat 3 pecahan slot bagi program ini iaitu :

- i. *Soul Booster* - "SEMPURNAKAN SOLATmu, SEGARKAN JIWAmu"
- ii. *Mind Booster* – Keseronokan Pekerja Membina Pekerja Bahagia
- iii. *Body Booster* – Sayangi Jantung dan Buah Pinggang Anda

Program ini merupakan inisiatif Bahagian Pentadbiran dan Kewangan melalui Seksyen Sumber Manusia memandangkan kesejahteraan holistik seseorang pekerja adalah penting bagi mewujudkan organisasi yang cekap dan produktif. Justeru itu, gabungan Soul (Jiwa), Mind (Fikiran) dan Body (Tubuh Badan) adalah saling berkait antara satu sama lain. Program ini dijalankan secara hibrid bersemuka/maya dan telah mendapat penyertaan seramai 150 orang peserta.

Slot *Soul Booster* telah dikendalikan dengan jayanya oleh pihak Geng Ngaji Global iaitu pihak perunding yang telah diberikan kepercayaan bagi mengendalikan slot 'SEMPURNAKAN SOLATmu, SEGARKAN JIWAmu'. Sesi ini telah dirangka untuk memberikan kefahaman mendalam mengenai penghayatan solat yang sempurna agar dapat membentuk individu/pekerja yang lebih berdisiplin, taat kepada perintah agama dan membina jati diri yang berintegriti.



YBrs. Ustaz Ahmad Harith bin Shamsul Bahrin sedang memberikan penjelasan tentang rukun gerakan dalam solat untuk mencapai kesempurnaan



Peserta ketika sesi Amali Solat Sempurna



YBrs. Ustaz Mohd Khalaf bin Shamsuddin memberikan penerangan dalam sesi Amali Wuduk Sempurna

Cik Aruna A/P Santhappan, Ahli Psikologi Sukan ketika perkongsian dalam sesi Keseronokan Bekerja Membina Pekerja Bahagia



Slot *Mind Booster* pula dikendalikan oleh Cik Aruna A/P Santhappan, iaitu seorang ahli psikologis sukan yang berpengalaman luas dalam mengendalikan ceramah-ceramah motivasi untuk korporat, sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi. Perkongsian ilmu ini telah memberikan pendedahan kepada peserta tentang kaedah mengekalkan '*resiliency*' takkala berhadapi dengan tekanan di ruang lingkup persekitaran kehidupan termasuklah ketika berada di tempat kerja.

Slot terakhir pula iaitu slot *Body Booster* dikendalikan oleh YBr. Dr Mohd Tariq Bin Mhd Noor, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Ketua Sektor Intervensi NCD, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan penerangan beliau yang terperinci dalam mengenalpasti punca yang menyebabkan penyakit berkaitan kardiovaskular dan buah pinggang, beserta cara menangani penyakit tersebut.



YBr. Dr Mohd Tariq Bin Mhd Noor, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Ketua Sektor Intervensi NCD, KKM



Bil.19/2025

NASIHAT PAK BIDAN LUNTUK WANITA

Setiap pasangan pasti ingin memimang cahaya mata yang sihat dengan secepat mungkin. Namun, kita hanya mampu merancang, dan Allah-lah yang menduga kita dengan pelbagai ujian. Ada yang berjaya mendapat zuriat dan ada yang terpaksa tunggu bertahun-tahun

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.18/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

LANDSCAPE AND SUSTAINABILITY

This unique book is about landscape, sustainability and the practices of the professions which plan, design and manage landscapes at many scales and in many locations; urban, suburban and rural. Despite the ubiquity of 'sustainability' as a concept, this is the first book to address the relationship between landscape architecture and sustainability in a comprehensive way.

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=11947>

MORE INFO : 03 -8926 1500
WWW.EIMAS.DOE.GOV.MY

Bil.17/2025

URUS HARTA AGIH PUSAKA

Buku ini membincangkan pelbagai isu yang berbangkit antaranya banyak waris makan harta anak yatim purata 150 000 kematian setahun. Wasiat bukan untuk agih pusaka kepada waris, pentingnya membuat wasiat 1/3 untuk pencen kubur risiko apabila harta di mati melebihi RM 2 @ 5 juta. Tip mangahikan harta kepada orang tersayang beza antara, wasiat, faraid, hibah dan harta SEPENCARIAN 90%, rakyat tidak tahu tentang syarat pengagihan harta Lebih 1 juta, geran tanah masih dimiliki oleh si mati dan banyak lagi isu2 yang dirungkaikan oleh penulis.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
03 -8926 1500 | WWW.EIMAS.DOE.GOV.MY

Bil.16/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

MODERN ISOTOPE RATIO MASS SPECTROMETRY

In Modern Isotope Ratio Mass Spectrometry, the first comprehensive book written on the subject for twenty-five years, examples from all these areas, and many more, are given. All modern developments in this fascinating field are discussed with special attention paid to technical details and instrumentation


MORE INFO : 03 -8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

Bil.12/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

MANAGING HUMAN AND SOCIAL SYSTEMS

Bringing together a wealth of knowledge, Environmental Management Handbook, Second Edition, gives a comprehensive overview of environmental problems, their sources, their assessment, and their solutions. Through in-depth entries and a topical table of contents, readers will quickly find answers to questions about environmental problems and their corresponding management issues.



MORE INFO : 03 - 8926 1500
www.eimas.doe.gov.my


<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=18316>

Bil.11/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

MANAGING SOILS AND TERRESTRIAL SYSTEMS

Bringing together a wealth of knowledge, Environmental Management Handbook, Second Edition, gives a comprehensive overview of environmental problems, their sources, their assessment, and their solutions. Through in-depth entries and a topical table of contents, readers will quickly find answers to questions about environmental problems and their corresponding management issues. This six-volume set is a reimagining of the award-winning Encyclopedia of Environmental Management, published in 2013, and features insights from more than 400 contributors, all experts in their field.



MORE INFO : 03 - 8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

Bil.10/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

SIHAT BUKAN SEKADAR UBAT




Buku ini memberikan pembaca sudut pandangan yang berbeza dalam menangani masalah kesihatan. Sihat bukan sekadar ubat boleh dijadikan panduan untuk hidup sihat dengan mengamalkan pengawalan emosi, makan makanan yang berkhasiat dan banyak lagi ilmu yang ada di dalam buku ini. Rawatan alami dan rawatan alternatif juga ada di dalam buku ini untuk rujukan pembaca. Buku ini memberi manfaat kepada pembaca untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Bil.9/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Managing Biological and Ecological Systems

Bringing together a wealth of knowledge, Environmental Management Handbook, Second Edition, gives a comprehensive overview of environmental problems, their sources, their assessment, and their solutions. Through in-depth entries and a topical table of contents, readers will quickly find answers to questions about environmental problems and their corresponding management issues. This six-volume set is a reimagining of the award-winning Encyclopedia of Environmental Management, published in 2013, and features insights from more than 400 contributors, all experts in their field. The experience, evidence, methods, and models used in studying environmental management are presented here in six stand-alone volumes, arranged along the major environmental systems.



PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my



Bil.4/2025

Handbook of CHEMICAL RISK ASSESSMENT

The Handbook of Chemical Risk Assessment exhaustively examines and analyzes the world literature on chemicals entering the environment from human activities. The three volumes cover chemicals recommended by environmental specialists of the U.S. Fish and Wildlife Service and other resource managers. The choices were based on the real or potential impact of each contaminant and on the knowledge available about their mitigation.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
03 - 8926 1500 | www.doe.gov.my

Bil.3/2025

Second Edition Applied Wetlands Science and Technology

This book covers functions and values, ecological assessments, and how to minimize negative impacts. It presents essential information on wetland creation, enhancement, restoration, and monitoring. It focuses on providing guidelines for effective decision making

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=10821>

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.2/2025

Mainstreaming The Environment

THE WORLD BANK GROUP AND THE ENVIRONMENT SINCE THE RIO EARTH SUMMIT

This publication comes three years after the Earth Summit in Rio de Janeiro, Brazil, when almost all the countries in the world endorsed the concept of environmentally sustainable development. It documents how the World Bank has sought to be an active partner in implementing the "Rio imperatives." The report is divided into three parts

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=13132>

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL @EiMAS
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
03 - 8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

Bil.1/2025

Water Resources Management and the Environment

Addressing the techno-socio-economic challenges involved in the protection, conservation, recycling and equitable utilization of water as an economic good, this text explores the linkages and dynamics of interactions involving water, and includes the following key topic areas: dynamics of interactions involving water; water quality; augmentation and conservation of water resources; wastewater reuse systems; use of water in agriculture; industrial and municipal uses of water; water pollution; economics and management of water supplies; etiology of water-related diseases; climate change impacts on water resources and paradigms of water resource management.


PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

More Info : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

**Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727**



**Perpustakaan
Institut Malaysia Alam Sekitar (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Latitud : 2.9255121 Longitud :101.7883249
Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/
03-89261368/ 03-89250873/ 03-89261369
Faks: 03-8926 1700**





Environmental Science



Acid rain

Aerosols

Aquifer

Atmosphere

Biodegradation

Biodiversity

Biomass

Biome

Carbon cycle

Carcinogen

Climate

Conservation

Ecosystem

Environment

Erosion

Greenhouse

Nitrogen cycle

Pollution

Recycling

Smog

Stressor

Tolerance

Toxicology

Waste

Biosphere

Biotic

Habitat

Indicator

Water cycle

Weather

Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727

www.doe.gov.my

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”